

Headline	Tabling Haji muktamad penjualan tanah TRX		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	27 May 2015	Circulation	825,000
Section	Setempat	Readership	2,475,000
Page No	42	ArticleSize	180 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 6,953
Journalist	N/A	PR Value	RM 20,859
Frequency	Daily		



## Tabung Haji muktamad penjualan tanah TRX

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dalam proses memuktamadkan penjualan sebidang tanah di pusat kewangan, Tun Razak Exchange (TRX) yang dibeli daripada 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Pengerusinya, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim mengesahkan perjanjian jual beli sudah dimaktubkan.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan pem-

beli plot tanah seluas 0.624 hektar itu sebaliknya akan membuat pengumuman dalam tempoh terdekat.

"Kita dalam proses untuk makutkan perjanjian jual beli. Kita buat keputusan untuk menjualnya dengan keuntungan yang sedikit. Memang sudah ada pembeli, ia akan dimaklumkan dalam masa terdekat ini," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika ditemui selepas majlis penyerahan dua Proton Preve 1.6 CVT Executive sebagai hadiah kepada Johan Qari, Wan Ainuddin Abdullah, 33, dan Qariah, Siti Husnaa Hassan, 23, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-58 di ibu pejabat Tabung Haji, semalam.

Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) pada 9 Mei lalu mengumumkan mengambil keputusan menjual semula

tanah berkenaan bagi mengelakkan fitnah berpanjangan dan menjaga nama baik institusi berkenaan.

Abdul Azeez yang membuat pengumuman itu berkata keputusan itu dibuat atas nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.



ABDUL Azeez (kanan) menyampaikan replika kunci kepada Ainuddin (dua dari kanan) dan Husnaa di majlis penyerahan hadiah dua kereta Proton Preve 1.6 CVT.